

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27 May 2015



SENDAL 26 Mei - Datuk Seri Najib Tigi Razak hari ini merasai sendiri pefigalaman menaiki kereta api laju Shinkansen yang menjadi kebanggran ralcyat negara ini selain diberi taklimat ringkas tentang perkhidmatan pengangkutan moden itu.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari berakhir hari ini menaiki kereta api itu dari Stesen Tokyo ke Stesen Sendal sejauh kira-kira 300 kilometer bagi menghadiri majlis perjumpaan dengan pelajar Malaysia di Universiti Tohoku di sini.

Jepun merupakan antara negara selain China dan Perancis yang ber-

minat menyertai projek kereta api laju yang dirancang menghubungkan Kuala Lumpur dan Singapura.

Menurut Perdana Menteri, projek kereta api laju negara sangat diberi perhatian oleh kerajaan Jepun dan berharap dapat menyertainya.

Sempena lawatan ke negara ini, Perdana Menteri diberi peluang merasai pengalaman menaiki Shinkansen yang kelajuannya mencecah 320 kilometer sejam dan perjalanan dari Tokyo ke Sendai hanya mengambil masa kira-kira 90 minit.

"Saya dapati Shinkansen berkualiti tinggi namun lata telah menetapkan projek kereta api laju negara

yang akan dibina nanti sebagai tender antarabangsaujanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan syarahan Peranan Belia Dalam Membangunkan Negara di Universiti Tohoku di sini hari ini.

Sehubungan itu katanya, Jepun dan beberapa negara lain akan bersaing dalam mendapatkan tender tersebut dengan menawarkan pakej yang kompetitif untuk negara.

Menurut Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, tender projek itu akan dikeluarkan tahun depan dan pembinaannya dijangka bermula pada 2017. - UTUSAN